

**PM: 1Malaysia sebahagian kehidupan harian
Malaysiakini.com
May 31, 2010**

Konsep 1Malaysia semakin diterima sebagai sebahagian penting dalam cara hidup harian rakyat negara ini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata bahawa di mana saja beliau pergi, rakyat teruja dengan konsep yang diperkenalkannya itu pada April tahun lalu apabila beliau mula menerajui tampuk kepimpinan negara.

Bagaimanapun, konsep itu memerlukan sedikit masa untuk mencapai tahap terbaiknya, kata beliau pada satu pertemuan dengan 2,000 pegawai dan kakitangan Maybank dalam lawatannya ke Menara Maybank sempena sambutan ulang tahun ke-50 bank itu tahun ini.

"Apa yang penting ialah kita telah mulakan proses ini. Jika anda tanya saya tentang apa yang perlu dibuat dan sama ada ia dilaksanakan dengan jayanya, saya rasa ini adalah satu proses. Saya berpendapat proses ini sedang mendapat momentum," katanya ketika diajukan soalan oleh seorang petugas bank itu mengenai kejayaan konsep berkenaan setakat ini dalam kehidupan harian rakyat Malaysia.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/133219>